

## JBPM tubuh pasukan khas sempena KL2017

**JABATAN** Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menubuhkan pasukan khas sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan berlaku seperti kebakaran dan ancaman keganasan semasa Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017), Ogos depan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Soiman Jahid berkata, pasukan itu merangkumi 680 anggota dan pegawai.

“Mereka mempunyai pelbagai kepakaran kerana datang daripada pasukan seperti Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya (H A Z M A T), Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM), Unit Skuba dan Unit Udara.

“Sebanyak 91 jentera



**SOIMAN**

bomba akan ditempatkan di lokasi strategik bagi mencapai masa respons yang terbaik sekiranya sesuatu insiden dan kecemasan berlaku,” kata Soiman pada sidang akhbar

selepas merasmikan seminar kesiapsiagaan pasukan respons kecemasan hotel-hotel di ibu

negara semalam.

Soiman berkata, pihaknya juga telah menjalankan pemeriksaan ke atas lapangan terbang, hotel, pusat media dan lokasi acara bagi memastikan keselamatan bangunan dan peralatan kebakaran berada dalam keadaan terbaik.

“Selain itu JBPM akan menempatkan anggota di setiap 66 premis hotel yang terlibat dalam penganjuran temasya itu,” katanya.